

Perkembangan Antarabangsa

LAPORAN EKONOMI

3

Imbasan

Ekonomi dunia berkembang sederhana di sebalik ketidaktentuan yang boleh menggugat pemulihan...

Pencerobohan di Iraq dan penularan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) telah menjejaskan prestasi ekonomi dunia pada separuh pertama 2003. Pada separuh kedua 2003, prestasi ekonomi global dijangka meningkat dengan berakhirnya pencerobohan di Iraq serta pengekangan wabak SARS. Peningkatan ini disokong oleh tanda-tanda pemulihan ekonomi-ekonomi utama menjelang akhir separuh kedua 2003, manakala keyakinan semula para pelabur dan pengguna yang diperkukuhkan lagi melalui dasar-dasar fiskal dan kewangan yang akomodatif dijangka meningkatkan lagi permintaan. Namun demikian, risiko ke bawah seperti ketidakseimbangan akaun semasa global, pembaharuan struktural yang tidak sempurna di sesetengah ekonomi dan isu keselamatan di beberapa tempat di dunia masih wujud.

Ketidakstabilan ekonomi global yang dihadapi pada waktu ini adalah disebabkan oleh pergantungan berlebihan dunia terhadap ekonomi Amerika Syarikat (AS), iaitu penjana utama pertumbuhan ekonomi global semenjak tahun 1995. Pergantungan yang berlebihan ini telah meluaskan jurang akaun luar global kepada hampir 2% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia pada 2002. Sementara defisit akaun semasa AS semakin meningkat, rakan dagangan utamanya seperti Eropah dan Asia mencatat lebih akaun semasa yang besar. Menjelang suku pertama 2003, defisit akaun semasa AS buat pertama kali meningkat sebanyak USD544 bilion atau 5.1% daripada jumlah KDNK.

Pada separuh pertama 2003, pasaran kewangan beroperasi dengan aktif di sebalik suasana ekonomi dunia yang lembap. Kadar faedah yang rendah serta kecairan yang tinggi di pasaran telah menyebabkan dana beralih ke pasaran ekuiti untuk mendapat pulangan yang lebih tinggi berikutan jangkaan bahawa ekonomi global akan pulih menjelang separuh kedua 2003. Susulan itu, bursa saham utama dunia menunjukkan pencapaian yang agak baik. Dow Jones dan Nikkei masing-masing mencatat peningkatan 12.4% dan 20.6% dalam tempoh lapan bulan, iaitu dari penghujung tahun 2002 ke akhir Ogos 2003.

Dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu dan permintaan dunia yang lembap, tumpuan fora antarabangsa adalah isu penjana pertumbuhan ekonomi dan pengekalan kestabilan kewangan. Pada masa yang sama, terdapat kecenderungan ke arah pengaturan perdagangan dua hala dan serantau bagi menggiatkan perdagangan serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Dalam hubungan ini, kumpulan kerjasama serantau seperti ASEAN dan ASEAN+3 (China, Jepun dan Republik Korea) telah menggerakkan beberapa langkah seperti meningkatkan kerjasama dalam bidang kewangan dan monetari bagi mempermudah serta menggalakkan lagi perdagangan dalaman serantau dan mendalamkan integrasi ekonomi serantau. Salah satu daripada usaha yang sedang dijalankan ialah memajukan pembangunan pasaran bon Asia.

Ekonomi Dunia

Tanda-tanda awal menunjukkan pemulihan...

Pertumbuhan pengeluaran dunia tahun 2003 dijangka meningkat sedikit kepada 3.2%

(2002: 3%), akibat suasana ekonomi yang lemah, seperti di *Jadual 3.1*. Kelemahan masih berterusan di kawasan euro dan Jepun sungguhpun terdapat tanda-tanda awal yang positif. Pertumbuhan ekonomi global akan terus bergantung kepada prestasi ekonomi AS yang dijangka merosot sedikit kepada 2.2% (2002: 2.4%).

Ekonomi AS telah mencatat pertumbuhan KDNK benar sebanyak 2.3% dalam enam bulan pertama 2003. Pertumbuhan tersebut dicerminkan oleh peningkatan dari segi perbelanjaan pengguna, perbelanjaan pertahanan persekutuan dan pelaburan tetap dalam sektor hartanah. Aktiviti ekonomi yang meningkat sedikit dirancakkan oleh kadar faedah yang rendah dan potongan cukai. Tanda-tanda awal pemulihan sektor pembuatan, selepas mengalami kemerosotan, telah memberi harapan bahawa sektor ini dan ekonomi secara keseluruhannya akan terus berkembang pada separuh kedua 2003. Manakala kadar gadai janji semasa yang rendah juga menggalakkan pembinaan dan penjualan rumah.

Di kawasan euro, pertumbuhan KDNK benar kekal 0.1% dalam suku pertama 2003 (Q4 2002: 0.1%). Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam perbelanjaan swasta seperti pada suku yang lalu dalam 2002. Walau bagaimanapun, perangkaan awal menunjukkan KDNK bagi suku kedua mencatat pertumbuhan sifar kerana Jerman mengalami pertumbuhan negatif sebanyak 0.1%. Penanda sentimen ekonomi (ESI) tidak menunjukkan sebarang perubahan dari bulan Mei hingga Julai dan

kestabilan ini adalah disebabkan oleh peningkatan penanda keyakinan pengguna, pembinaan dan perdagangan runcit yang telah mengimbangi kemerosotan penanda keyakinan industri. Walaupun tidak terdapat sebarang tanda bahawa suasana ekonomi semakin merosot dalam kawasan euro, perkembangan semasa menunjukkan peningkatan dalam aktiviti ekonomi mapan masih tidak menentu. Sehubungan itu, kawasan euro dijangka mencatat pertumbuhan kecil dalam KDNK, iaitu 0.7% dalam 2003.

Di Jepun, pertumbuhan ekonomi terus naik, dengan KDNK suku kedua 2003 mencatat 0.6% (Q1 2003: 0.3%). Ini disebabkan oleh peningkatan pengeluaran industri, pelaburan hartanah kediaman dan peningkatan import serta pemulihan dalam sesetengah pasaran kerja, berikutan sentimen yang meningkat. Namun, Jepun masih diselubungi oleh masalah kejatuhan harga dan nilai jumlah eksportnya jatuh pada Jun, buat pertama kali dalam tempoh 15 bulan. Sungguhpun demikian, pemulihan ekonomi AS yang baru bermula telah meningkatkan harga saham di Jepun. Harapan bahawa pemulihan ekonomi di AS akan mapan dan mencetus permintaan ke atas barangan keluaran Jepun akan merangsang peningkatan prestasi bagi separuh kedua 2003.

Perkembangan **perdagangan dunia** merudum pada akhir 2002 berpunca daripada kelemahan aktiviti ekonomi global dan pasaran ICT dunia yang kembali lembap. Seterusnya, kejutan bukan ekonomi iaitu ancaman dan pencerobohan di

JADUAL 3.1

Penunjuk-penunjuk Ekonomi Global 2002-2004

	KDNK benar (%)			Inflasi (%)			Pengangguran (%)		
	2002	2003 ¹	2004	2002	2003 ¹	2004	2002	2003 ¹	2004
Dunia	3.0	3.2	4.1	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.
Negara maju	1.8	1.9	2.9	1.5	1.9	1.7	6.4	6.6	6.5
Negara membangun	4.6	5.0	5.8	5.4	5.8	5.1	t.d.	t.d.	t.d.
Negara perindustrian baru Asia	4.6	4.1	4.5	1.0	1.8	1.9	4.1	4.0	3.9

¹ Anggaran.
t.d. tiada data.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2003 dan pelbagai sumber.

Iraq serta penularan wabak SARS telah memberi kesan terhadap perdagangan global terutamanya perdagangan perkhidmatan seperti pelancongan dan kembara. Manakala, risiko yang masih wujud seperti ketegangan geopolitik yang semakin meningkat dan kurangnya kemajuan dalam pusingan rundingan perdagangan Doha telah menjejaskan prospek jangka pendek peningkatan perdagangan global. Pemulihan ekonomi AS adalah asas pemulihan perdagangan global. China dan ekonomi-ekonomi Asia yang lain juga diramal menjadi penyumbang utama pertumbuhan perdagangan dunia. Selaras dengan pemulihan pertumbuhan ekonomi global, perdagangan global dijangka meningkat kepada 4.3% pada tahun 2003 (2002: 2.9%).

Inflasi ketika ini tidak menjadi kebimbangan bagi kebanyakan ekonomi. Kadar inflasi di AS meningkat dengan kadar tahunan sebanyak 2.2% pada tujuh bulan pertama tahun 2003, terutamanya disebabkan oleh harga minyak yang lebih tinggi. Namun demikian, kadar inflasi dijangka rendah, berikutan penurunan harga minyak setelah berakhirnya pencerobohan di Iraq. Pada waktu yang sama, kejatuhan nilai dolar AS telah mengurangkan kemungkinan berlakunya deflasi di AS. Keadaan sebaliknya mungkin berlaku di negara-negara yang mengalami kenaikan nilai mata wang seperti di kawasan euro terutamanya di Jerman. Manakala Jepun pula masih mengalami deflasi walaupun terdapat tanda-tanda prestasi sektoral yang berbeza-beza. Negara-negara membangun dijangka mencatat kadar inflasi hampir 6%. Berikutan kelemahan pemulihan ekonomi global serta keadaan yang tidak menentu, sesetengah pasaran Asia seperti Hong Kong SAR, Singapura dan Taiwan telah mengalami masalah kejatuhan harga. Walaupun tidak memberi kesan secara menyeluruh, perkara ini mungkin menimbulkan masalah sekiranya deflasi tidak dapat diatasi. Justeru, kadar inflasi dunia dijangka akan kekal pada tahap yang rendah, memandangkan pertumbuhan ekonomi dunia kekal lemah.

Pasaran ekuiti dunia yang merosot dalam tahun 2002 yang disebabkan oleh keuntungan korporat yang rendah, skandal laporan perakaunan dan kebimbangan mengenai ketidakstabilan geopolitik yang akan memberikan kesan ke atas harga minyak telah berterusan pada dua bulan pertama

tahun 2003. Bagaimanapun, tempoh pencerobohan di Iraq yang singkat dan bekalan minyak yang berterusan telah meningkatkan keyakinan pasaran. Oleh sebab itu, harga ekuiti di pasaran-pasaran utama dunia mula menunjukkan peningkatan, bermula dari awal Mac sehingga kini. Namun, pasaran saham Nikkei hanya mula menampakkan peningkatan pada akhir bulan April 2003, selepas kembali pulih daripada pendapatan rendah yang diperolehi oleh pembuat-pembuat cip elektronik dan syarikat-syarikat perisian komputer disebabkan oleh permintaan yang semakin lemah.

Sejak Malaysia menambatkan ringgit kepada dolar AS pada 1 September 1998, pasaran ekuiti di Malaysia menunjukkan prestasi yang terbaik berbanding negara-negara lain di rantau ini. KLCI menokok dua kali ganda dari 262.70 mata kepada 743.30 mata pada 29 Ogos 2003, sementara kenaikan di bursa-bursa saham yang lain seperti Singapura (94.24%), Jakarta (62.55%) dan Manila (0.09%) adalah kurang menyerlah.

Berbanding penghujung tahun 2002, pasaran-pasaran saham serantau menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding bursa-bursa saham utama dunia. Manakala bursa saham Bangkok, menunjukkan prestasi terbaik, telah menokok 50.84%, bursa-bursa saham serantau yang lain menunjukkan prestasi yang menyakinkan seperti di Taipei menokok 26.92%, Jakarta 24.64%, Singapura 19.25% dan Kuala Lumpur 14.63%. Secara perbandingan, bursa saham di Tokyo, New York dan London masing-masing meningkat sebanyak 20.57%, 12.38% dan 6.54% seperti di *Jadual 3.2*.

Di **pasaran pertukaran asing**, kejatuhan nilai dolar AS berterusan hingga suku pertama 2003. Julat kejatuhan dolar AS adalah di antara 7.3% berbanding euro dan 2% berbanding pound sterling. Walau bagaimanapun, nilai dolar AS meningkat sedikit berbanding yen iaitu pada paras 0.7%. Penurunan dalam nilai dolar AS akan menjadikan eksportnya semakin berdaya saing dan membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi negara tersebut. Sebaliknya, nilai euro yang semakin kukuh mungkin memperlahankan lagi pertumbuhan ekonomi kawasan euro.

JADUAL 3.2

Pasaran Saham

	1 September 1998	31 Disember 2002	29 Ogos 2003	Perubahan ¹ (%)	Perubahan ² (%)
Pasaran Saham					
Bangkok	211.09	356.48	537.71	154.73	50.84
Hong Kong SAR	7,062.47	9,321.29	10,908.99	54.46	17.03
Jakarta	325.85	424.95	529.68	62.55	24.64
Kuala Lumpur	262.70	648.43	743.30	182.95	14.63
London	5,118.70	3,940.40	4,198.00	-17.94	6.54
Manila	1,191.76	1,018.41	1,192.83	0.09	17.13
New York	7,827.43	8,341.63	9,374.21	19.76	12.38
Seoul	309.71	627.55	759.47	145.22	21.02
Singapura	823.33	1,341.03	1,599.25	94.24	19.25
Taipei	6,335.09	4,452.45	5,650.83	-10.80	26.92
Tokyo	14,369.63	8,578.95	10,343.55	-28.02	20.57

¹ Peratus perubahan berbanding 1 September 1998 dan akhir Ogos 2003.

² Peratus perubahan berbanding 31 Disember 2002 dan akhir Ogos 2003.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur dan pelbagai sumber.

JADUAL 3.3

Tukaran Asing

	2 September 1998	31 Disember 2002	20 Mac 2003 (Pencerobohan di Iraq bermula)	Akhir Ogos 2003	Perubahan ¹ (%)
Mata wang (Berbanding USD)					
Euro ²	—	1.05	1.06	0.92	-12.28
Peso Filipina	43.04	53.28	54.49	54.96	3.15
Rupiah Indonesia	10,750.00	8,955.00	9,025.00	8,539.33	-4.64
Yen Jepun	136.98	118.69	120.15	117.15	-1.30
Won Korea	1,344.50	1,186.05	1,245.95	1,178.66	-0.62
Ringgit Malaysia	3.80	3.80	3.80	3.80	0.00
Dolar Singapura	1.73	1.74	1.77	1.75	0.57
Dolar Taiwan baru	34.77	34.75	34.77	34.16	-1.70
Baht Thailand	40.55	43.14	42.93	41.18	-4.54

¹ Peratus perubahan berbanding 31 Disember 2002 dan akhir Ogos 2003.

² USD berbanding dengan euro.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai sumber.

Negara-negara Maju

Penunjuk-penunjuk ekonomi yang menggalakkan mulai kelihatan selepas konflik di Iraq...

Negara-negara maju pada awal tahun 2003, terus mencatatkan pertumbuhan yang perlahan akibat daripada kejatuhan saham teknologi maklumat secara mendadak, pasaran ekuiti yang lemah, pasaran buruh yang lembap, penggunaan kapasiti yang rendah, kebimbangan terhadap keganasan serta risiko deflasi merebak di luar Jepun. Risiko-risiko pertumbuhan diburukkan lagi oleh ketegangan geopolitik di Timur Tengah, kekukuhan mata wang euro serta ketidakstabilan harga minyak yang mencapai paras tertingginya sebanyak USD39.99 setong pada penghujung Februari sebelum pencerobohan. Harga minyak yang meningkat ekoran daripada gangguan bekalan di Venezuela dan pengurangan pengeluaran di Nigeria serta pencerobohan di Iraq, mencatat purata USD28 setong bagi enam bulan pertama tahun 2003. Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar monetari dan fiskal yang akomodatif oleh ekonomi-ekonomi utama dunia telah mengimbangi penurunan keyakinan perniagaan dan pengguna sekaligus menjana pertumbuhan.

Pertumbuhan negara-negara maju kekal perlahan, tidak sama dan berada di bawah tren walaupun pertempuran di Iraq telah berakhir. Memandangkan prospek pertumbuhan global terus bergantung kepada AS, penunjuk-penunjuk pemulihan semula ekonomi AS pada suku kedua dijangka menjana dan meningkatkan keyakinan global dan merencanakan semula aktiviti-aktiviti ekonomi. Dasar makroekonomi yang menyokong pertumbuhan, harga minyak yang sederhana dan pengurangan ketidaktentuan aktiviti ketenteraan di Timur Tengah, pertumbuhan dijangka meningkat pada separuh kedua dengan KDNK benar diramal tumbuh sedikit pada 1.9% (2002: 1.8%), seperti di *Jadual 3.4*. Pembaharuan struktural dan institusi oleh ekonomi-ekonomi utama di bidang kewangan dan sektor korporat juga dijangka menyokong dan meningkatkan prospek pertumbuhan. Sekiranya semua berjalan lancar, kekukuhan ekonomi AS pada suku ketiga akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan global.

JADUAL 3.4

Negara Maju: Penunjuk-penunjuk Utama Ekonomi 2002-2004

	2002	2003 ¹	2004
Keluaran Dalam Negeri Kasar² (%)			
Negara Maju	1.8	1.9	2.9
Amerika Syarikat	2.4	2.2	3.6
Itali	0.4	1.1	2.3
Jepun	0.3	0.8	1.0
Jerman	0.2	0.5	1.9
Perancis	1.2	1.2	2.4
United Kingdom	1.6	2.0	2.5
Kawasan euro	0.8	0.7	2.3
Inflasi (%)			
Negara Maju	1.5	1.9	1.7
Amerika Syarikat	1.6	2.3	2.3
Itali	2.6	2.4	1.6
Jepun	-0.9	-0.7	-0.6
Jerman	1.3	0.6	0.7
Perancis	1.9	2.0	1.6
United Kingdom	2.2	2.8	2.7
Kawasan euro	2.3	2.0	1.5
Pengangguran (%)			
Negara Maju	6.4	6.6	6.5
Amerika Syarikat	5.8	6.2	5.9
Itali	9.0	9.3	9.1
Jepun	5.4	5.5	5.4
Jerman	8.2	10.5	8.8
Perancis	8.8	9.1	9.1
United Kingdom	5.2	5.4	5.3
Kawasan euro	8.3	8.8	8.7
Imbangan akaun semasa (USD bilion)			
Negara Maju	-217.2	-270.4	-261.9
Amerika Syarikat	-503.4	-576.7	-583.1
Itali	-6.8	0.3	5.1
Jepun	112.8	115.5	131.3
Jerman	49.6	59.5	63.4
Perancis	29.7	36.1	33.4
United Kingdom	-29.7	-35.3	-41.9
Kawasan euro	72.1	91.0	94.1

¹ Anggaran.

² KDNK benar.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2003 dan pelbagai sumber.

Pertumbuhan ekonomi **Amerika Syarikat** bagi suku kedua iaitu 3.1% adalah lebih baik daripada jangkaan berikutan pertumbuhan sederhana 1.4% bagi dua suku berturut-turut sebelum ini. Ini didorong oleh peningkatan perbelanjaan isirumah, pelaburan perniagaan dan peningkatan perbelanjaan ketenteraan, yang naik sebanyak 44.1% iaitu peningkatan terbesar semenjak Perang Korea pada awal 1950an. Peningkatan keyakinan terhadap ekonomi AS turut dicerminkan oleh keuntungan yang lebih baik di sektor korporat dan pasaran-pasaran ekuiti. Indeks Dow dan Indeks Standard & Poor's 500 masing-masing menokok sebanyak 12.5% dan 14.9% manakala Indeks Komposit Nasdaq pada suku kedua melonjak kepada 21% selepas penurunan sederhana pada suku pertama awal tahun ini.

Walaupun penunjuk-penunjuk adalah positif pada suku kedua ini, pertumbuhan ekonomi tidak bersifat menyeluruh. Pertumbuhan pengeluaran industri kekal perlahan dengan kadar pengangguran meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh sembilan tahun kepada 6.4% pada bulan Jun. Perbelanjaan isirumah yang mencakupi dua pertiga daripada aktiviti ekonomi kekal lembap. Dengan ini, dasar monetari telah dilonggarkan melalui penurunan kadar faedah sebanyak 25 mata kepada 1.00% pada penghujung Jun (November 2002: 1.25%) iaitu, penurunan terendah semenjak 1958.

Dengan berkurangnya risiko setelah tamatnya pencerobohan, terdapat tanda-tanda pemulihan ekonomi keseluruhannya dan pertumbuhan dalam sektor pembuatan yang meningkat dua bulan berturut-turut iaitu Julai dan Ogos setelah menguncup semenjak Februari 2003. Indeks perkilangan Institute for Supply Management (ISM) mencatatkan 54.7 mata pada Ogos (Julai: 51.8 mata) berbanding 45.4 mata pada April, iaitu catatan terendah bagi tujuh bulan pertama tahun ini. Walaupun permintaan bagi barangan perkilangan telah meningkat, sebaliknya indeks pekerjaan terus kekal di bawah *breakeven* 50 mata bagi 35 bulan berturut-turut, dengan mencatatkan 45.9 mata pada bulan Ogos (Julai: 46.1 mata). Keadaan ini menunjukkan bahawa pewujudan peluang pekerjaan adalah tidak selari dengan pertumbuhan di sektor pembuatan. Walau bagaimanapun, penyusutan inventori dijangka merangsang pelaburan baru, melonjakkan

penggunaan seterusnya menjana peluang pekerjaan apabila syarikat-syarikat menggantikan semula stok masing-masing.

Setelah menguncup sebanyak 47.9 mata pada Mac 2003, Indeks ISM Non-Manufacturing Business Activity telah meningkat semenjak April menunjukkan peningkatan dalam sektor perkhidmatan. Pada Julai, indeks melonjak kepada 65.1 mata (Jun: 60.6 mata) menunjukkan aktiviti ekonomi yang pesat di bidang pembinaan, pertanian, kewangan dan perbankan, perdagangan runcit dan komunikasi, manakala perkhidmatan kesihatan terus menguncup. Tanda-tanda pemulihan juga jelas terdapat pada indeks pekerjaan yang mencatat peningkatan 50.7 mata pada Julai (Jun: 50.3 mata) setelah merosot empat bulan berturut-turut, bermula dari Februari 2003 dengan catatan 49 mata.

Pertumbuhan KDNK benar bagi tahun ini dijangka sederhana iaitu 2.2% (2002: 2.4%) dengan momentum pemulihan berterusan disokong oleh inflasi yang rendah, produktiviti yang tinggi dan kadar faedah terendah dalam tempoh 45 tahun iaitu 1.00%, dijangka menggalakkan pelaburan perniagaan yang perlahan pada enam bulan pertama tahun ini. Selain itu, potongan cukai berjumlah USD35 bilion bagi tahun ini yang bertujuan menambahkan pendapatan bolehguna isirumah dijangka mengukuhkan lagi penggunaan.

Walaupun terdapat pemulihan ekonomi pada suku kedua, tanda pemulihan yang mapan belum kelihatan. Walaupun pengangguran telah menurun buat pertama kalinya pada Julai iaitu 6.2% (Jun: 6.4%) dan perbelanjaan modal yang mulai pulih, pertumbuhan KDNK benar perlu melebihi 3% bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan supaya dapat mengekalkan kadar dan momentum pertumbuhan. Selain daripada pengangguran, terdapat juga kebimbangan terhadap jurang defisit akaun semasa dan fiskal yang semakin membesar, iaitu masing-masing pada paras 5.3% (2002: 4.8%) dan 4.6% daripada KDNK (2002: 3.6%). Dalam pada itu, harga minyak dan gas asli yang masih belum stabil dan permintaan yang lemah daripada rakan dagangan utama, seperti kawasan euro dan Jepun merupakan risiko terhadap pemulihan ekonomi yang baru bermula.

Lanjutan dari pertumbuhan ekonomi yang lembap pada penghujung 2002, pertumbuhan di **kawasan euro** terus perlahan pada separuh pertama 2003. Ini disebabkan oleh keadaan geopolitik di Timur Tengah, persekitaran luaran yang lembap serta kemerosotan permintaan domestik, berikutan kurangnya keyakinan perniagaan dan pengguna untuk berbelanja. Pertumbuhan pada suku kedua kekal iaitu 0.1% (Q4 2002: 0.1%) disokong oleh peningkatan yang kecil dalam perbelanjaan isirumah.

Bagi menangani kemerosotan sentimen perniagaan dan pengguna serta merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi yang terbantut berikutan ketidaktentuan geopolitik di Iraq, Bank Pusat Eropah (ECB) telah menurunkan penanda aras kadar pembiayaan semula daripada 2.75% yang berkuatkuasa semenjak Disember 2002 kepada 2.50% pada awal Mac. Walaupun kenaikan nilai mata wang euro sebanyak 20% berbanding dolar AS telah mengurangkan kos import dan kadar inflasi, perkembangan ini telah menjejaskan prestasi eksport terutamanya Jerman, Perancis, dan Itali yang bergantung kepada eksport untuk menjana pertumbuhan dan pelaburan peniagaan. Dalam usaha menggerakkan ekonomi yang berdepan dengan kebimbangan terhadap deflasi dan berulangnya kemelesetan, dasar monetari telah dilonggarkan lagi dengan penurunan kadar faedah kepada 2.00% pada awal Jun. Memandangkan ruang untuk rangsangan fiskal di bawah dasar *Stability and Growth Pact* Kesatuan Eropah yang menghadkan belanjawan defisit negara-negara anggota kepada 3% daripada KDNK, penurunan kadar faedah tersebut dijangka akan merencanakan perbelanjaan modal dan menyokong peluang pekerjaan.

Tinjauan ekonomi kawasan euro bagi separuh kedua tahun ini diramal bertambah baik susulan daripada pertumbuhan semakin kukuh ekonomi AS yang menyerap 20% daripada eksport kawasan euro. Selain itu, persekitaran kadar faedah, inflasi yang rendah (Julai: 1.9% berbanding sasaran ECB iaitu 2%), harga minyak yang sederhana, pasaran kewangan yang bertambah baik dijangka menstabilkan KDNK benar kepada 0.7% (2002: 0.8%). Walau bagaimanapun, risiko ke bawah terhadap prospek pertumbuhan tetap wujud seperti peningkatan pengangguran iaitu 8.8% pada Julai 2003 (2002:

8.3%), pengukuhan mata wang euro, keuntungan korporat yang rendah serta kerapuhan ekonomi Jerman yang menyumbang satu pertiga kepada pengeluaran kawasan euro. Selain itu, kadar pembaharuan yang perlahan dalam pasaran buruh dan modal juga dijangka menghalang pemulihan pesat permintaan domestik.

Jerman iaitu ekonomi terbesar di kawasan euro mengalami kemelesetan setelah menguncup 0.1% pada suku kedua (Q1 2003: -0.2%), akibat kelembapan permintaan global serta kekukuhan mata wang euro, yang mengakis daya saing eksportnya. Ekonomi Jerman yang mula mengalami kemelesetan pada penghujung tahun 2002, terus merosot pada suku tahun pertama akibat kenaikan harga minyak yang pesat, pencerobohan di Iraq dan kenaikan nilai mata wang euro yang menghadkan perbelanjaan perniagaan. Permintaan yang lembap daripada rakan kongsi perniagaan utama, iaitu Perancis, Amerika Syarikat, United Kingdom (UK) dan Itali ke atas keluaran kenderaan, jentera berat industri dan peralatan elektrik memburukkan lagi prospek eksportnya.

Kejatuhan harga pengeluaran dan tenaga, termasuk pengeluaran industri yang mendatar meningkatkan lagi kebimbangan ancaman deflasi terhadap ekonomi Jerman. Selain tekanan deflasi, peningkatan kadar pengangguran pada 10.6% (2002: 8.2%) menyekat perbelanjaan pengguna. Untuk tahun 2003, inflasi adalah dianggarkan pada 0.6% (2002: 1.3%).

Berhadapan dengan pilihan dasar yang terhad bagi merangsangkan semula ekonominya, perbelanjaan fiskal Jerman dijangka akan melebihi had siling 3% yang ditetapkan di bawah *Stability and Growth Pact* untuk 3 tahun berturut-turut. Sehubungan itu, Jerman dijangka mengalami defisit 3.9% (2002: 3.6%). Bagaimanapun, tanda-tanda peningkatan di dalam ekonomi Amerika Syarikat yang menyerap 10% daripada eksportnya dijangka meningkatkan permintaan luaran seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan tempahan sektor pembuatan Jerman pada bulan Jun. Pakej pembaharuan ekonomi sekarang yang lebih menyeluruh termasuk sektor pekerjaan, kebajikan dan penjagaan kesihatan dijangka dapat menggalakkan lagi penggunaan dan pelaburan perniagaan. Pada tahun ini, ekonomi Jerman

dijangka mengalami pertumbuhan sifar (2002: 0.2%), iaitu di bawah 1% untuk tiga tahun berturut-turut.

Di luar kawasan euro pula yang mengandungi 12 buah negara, **United Kingdom** mencatat pertumbuhan ekonomi yang begitu perlahan bagi dekad ini iaitu pada kadar 0.1% pada suku pertama 2003 (Q4 2002: 0.4%) didorong oleh kebimbangan konflik di Iraq dan kelemahan ekonomi dunia yang menghakis keyakinan pengguna dan perniagaan. Sejak kebelakangan ini kelembapan perbelanjaan isirumah yang menjadi faktor utama untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan pengeluaran industri telah diimbangi sebahagiannya oleh perbelanjaan kerajaan dalam pertahanan, kesihatan, pengangkutan dan beberapa perkhidmatan utama sektor awam serta pertumbuhan bersih dalam eksport barangan dan perkhidmatan. Namun, dalam suku kedua, ekonomi UK mencatat pertumbuhan sederhana iaitu 0.3% didorong oleh peningkatan dalam sektor perkhidmatan terutamanya sektor runcit, perhotelan dan katering, pos dan telekomunikasi serta perkhidmatan komputer. Sementara itu, perbelanjaan pengguna yang semakin pulih, peningkatan ketara pasaran hartanah kediaman, keluaran barangan perkilangan yang menyumbang 20% kepada ekonomi, kekal mendatar akibat daripada permintaan luaran yang lemah terutama sekali dari kawasan euro dan AS yang masing-masing mengimport 50% dan 15% eksport UK.

Berhadapan dengan persekitaran luaran yang tidak menentu, Bank of England (BOE) telah melonggarkan dasar monetari dua kali dalam tempoh enam bulan pertama bagi tahun 2003 untuk menangani kesan permintaan yang semakin berkurangan dalam dan luar negara. Apabila ternyata bahawa pencerobohan di Iraq boleh menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi, kadar faedah yang menjadi penanda aras telah diturunkan pada awal Februari dari 4.00% ke 3.75% untuk kali pertama semenjak November 2001. Namun, setelah pertumbuhan ekonomi yang dialami lebih rendah daripada yang dijangkakan sungguhpun konflik di Iraq telah berakhir, BOE telah menurunkan lagi kadar faedah sebanyak 25 mata kepada 3.50% pada bulan Julai iaitu kadar terendah semenjak 1955 bagi menggalakkan lagi pelaburan perniagaan

seterusnya mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih menyeluruh.

Kadar pengangguran pada bulan Julai 2003 adalah di sekitar 5% manakala inflasi pula pada kadar 2.8%, melebihi kadar sasaran kerajaan 2.5%. Kesan daripada kadar faedah semasa yang rendah dan penurunan harga minyak, inflasi dianggarkan berada di paras yang lebih rendah daripada sasaran pada bulan-bulan berikutnya. Disokong oleh dasar makroekonomi yang akomodatif, pemulihan persekitaran luar berikutan berakhirnya pencerobohan di Iraq, tanda-tanda pemulihan ekonomi AS serta perkembangan dalam perbelanjaan pengguna yang merangkumi dua pertiga daripada KDNK, pertumbuhan diramal kukuh pada 2% untuk tahun 2003 (2002: 1.6%).

Berikutan pertumbuhan yang lebih memberangsangkan, pada kadar 0.5% bagi suku terakhir tahun 2002, **Jepun** mencatat pertumbuhan KDNK benar yang perlahan iaitu 0.3% dalam suku tahun pertama 2003 didorong oleh peningkatan perlahan dalam perbelanjaan isi rumah terutamanya ke atas kenderaan auto untuk mengelak dari membayar cukai yang akan dinaikkan pada tahun fiskal berikutnya mulai bulan April. Namun, kebimbangan yang berterusan terhadap kadar pengangguran 5.3%, penurunan dalam pendapatan benar dan pasaran saham yang lemah telah mengurangkan perbelanjaan pengguna yang menyumbang sebanyak 55% daripada KDNK. Kelemahan dalam sentimen pengguna telah memberi kesan ke atas harga pemborong, yang telah menjunam selama empat tahun berturut-turut, semenjak September 1999. Ini telah menyebabkan tekanan deflasi yang teruk kepada ekonomi. Permintaan AS yang lemah, iaitu rakan dagangan utamanya memburukkan lagi kejatuhan pasaran tempatan.


Biarpun berhadapan dengan wabak SARS, eksport ke China iaitu rakan kongsi perniagaan Jepun yang kedua terbesar, masih kekal berkembang pesat. Eksport utama ke China merangkumi kenderaan, jentera berat dan perkakasan jentera, besi, bahan kimia, bahan organik dan bahan-bahan mentah. Kesan SARS ke atas ekonomi Jepun setakat ini terhad kepada sektor pelancongan dan kembara serta gangguan sedikit terhadap rangkaian pengedar untuk produk dan komponen berteknologi tinggi.

Dalam usaha mengatasi deflasi dan meningkatkan kadar perbelanjaan dalam negara yang lembap, Bank of Japan (BOJ) mengkaji semula dasar, melonggarkan syarat monetari dan melancarkan program untuk membeli semula sekuriti disokong aset. BOJ juga memperluaskan lagi rancangan pembelian saham-saham daripada bank yang menanggung hutang lapuk seterusnya meningkatkan kecairan untuk memberi pinjaman baru. Langkah ini akan memberi faedah yang ketara kepada peniaga kecil dan sederhana, yang sebelum ini diketepikan oleh institusi perbankan yang enggan mengambil risiko. Dengan ini mereka dapat membuat pelaburan baru seterusnya meningkatkan permintaan tempatan. Selain itu, bagi mengukuhkan lagi sektor kewangan dan korporat, BOJ telah menubuhkan *Industrial Revitalisation Corporation* (IRC) dalam bulan April untuk menangani masalah pinjaman tidak berbayar dalam sektor perbankan. Pelan utama rangka kerja IRC adalah bagi mengatasi masalah hutang dan kapasiti berlebihan termasuk memudahkan proses penstrukturan semula syarikat yang berdaya saing dalam tempoh lima tahun.

Tanda-tanda pemulihan telah mula dikesan dalam pertumbuhan ekonomi yang statik menjelang akhir suku kedua. Ekonomi Jepun mencatat pertumbuhan di luar jangkaan iaitu 0.6% (Q1 2003: 0.3%) didorong oleh kenaikan dalam perbelanjaan pengguna serta pertumbuhan eksportnya yang menyumbang 10% kepada KDNK. Kadar pengangguran yang memuncak pada 5.5% dalam bulan Januari, telah merosot sedikit dan kekal pada kadar 5.3% manakala kadar kehilangan pekerjaan di sektor pembuatan semakin berkurangan. Pengeluaran industri pula meningkat pada Mei 2003 disebabkan oleh permintaan yang kukuh dari AS bagi produk-produk elektronik. Didorong oleh tanda-tanda pemulihan dalam ekonomi AS, tempahan bagi mesin dan perkakasan meningkat dalam bulan Jun berikutan daripada jangkaan bahawa permintaannya akan meningkat. Pemulihan dalam perniagaan dan keyakinan pengguna juga dapat dilihat dalam perbelanjaan isirumah yang meningkat dengan pesat iaitu buat pertama kali dalam tempoh sedekad, kenaikan dalam perbelanjaan modal dan pendapatan korporat serta pulangan dalam pasaran saham apabila saham-saham Jepun mencapai kemuncaknya

CARTA 3.1

Arah Aliran Semasa Penentu Ekonomi Negara-Negara Maju 1999-2003



¹ Anggaran.

² Kadar faedah purata yang diwartakan oleh nilai purata dalam USD.

³ Kadar purata hasil bon-bon kerajaan.

⁴ Euro diperkenalkan pada 1999.

⁵ Sehingga bulan Ogos 2003.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2003.

pada bulan Jun, iaitu apabila Nikkei meningkat melebihi 30% sejak April. Pemulihan secara keseluruhan dalam ekonomi AS akan mendatangkan faedah kepada ekonomi Jepun memandangkan ia akan menggalakkan semula pelaburan dalam perniagaan, mewujudkan peluang pekerjaan yang baru dan meningkatkan kedudukan keuntungan syarikat. Pada tahun 2003, Jepun dianggar mencatat pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh pada kadar 0.8% (2002: 0.3%).

Asia Timur

Prospek pertumbuhan selepas SARS di tahap sederhana...

Dalam keadaan persekitaran luaran yang lembap dan jangkitan wabak SARS, pertumbuhan KDNK benar kebanyakan negara membangun di Asia Timur adalah perlahan pada separuh pertama 2003. Walau bagaimanapun, pertumbuhan tahun ini diramal meningkat sederhana pada tahap 2.4% (2002: 2.3%) susulan daripada tanda-tanda awal persekitaran luaran yang semakin baik dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengekang wabak SARS.

Republik Rakyat China (China) yang menghadapi kesan wabak SARS mencatat pertumbuhan perlahan pada kadar 6.7% pada suku kedua berbanding pertumbuhan yang agak tinggi pada kadar 9.9% pada suku pertama. Memandangkan wabak SARS merebak di sesetengah kawasan di China sahaja dan tidak menjejaskan keseluruhan ekonominya, China diramal terus mengekalkan pertumbuhan kukuh dengan mencatat 9%-10% bagi tahun ini (2002: 8%), seperti di *Jadual 3.5*. Jangkaan ini juga antara lain disebabkan oleh keanggotaannya dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang menyebabkan kenaikan pelaburan asing ke China serta permintaan kukuh masyarakat bandar terhadap perkhidmatan dan keluaran seperti kenderaan dan hartanah yang bernilai tinggi. Eksport China pada separuh pertama 2003 meningkat sebanyak USD190.3 bilion, iaitu kenaikan 34% berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas, manakala import mencatat USD185.8 bilion, kenaikan sebanyak 44.5%. Pengekalan pertumbuhan yang tinggi ini bersandarkan kepada keberkesanan kerajaan mengawal wabak SARS daripada berulang,

JADUAL 3.5

Ekonomi-ekonomi Asia Timur Terpilih: Penunjuk-penunjuk Utama Ekonomi 2002-2004

	2002	2003 ¹	2004
Keluaran Dalam Negeri Kasar² (%)			
China	8.0	9.0-10.0	7.5
Republik Korea	6.3	3.3	5.3
Taiwan	3.5	3.2	3.7
Inflasi (%)			
China	-0.8	0.2	1.5
Republik Korea	2.8	3.5	3.2
Taiwan	-0.2	0.3	0.8
Imbangan akaun semasa (% daripada KDNK)			
China	1.9	1.4	1.1
Republik Korea	1.3	0.3	0.5
Taiwan	9.1	8.6	8.8

¹ Anggaran.

² KDNK benar.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2003 dan pelbagai sumber.

penyelesaian hutang lapuk sektor perbankan dan penstrukturan semula perusahaan milik kerajaan yang tidak cekap dan pada masa yang sama menggalakkan perusahaan swasta.

Republik Korea (Korea) merekod kadar pertumbuhan 6.3% pada tahun 2002, didorong oleh penggunaan persendirian dan prestasi eksport yang sangat kukuh. Walau bagaimanapun, menjelang penghujung 2002, terdapat penurunan ketara dalam pertumbuhan penggunaan yang antara lainnya disebabkan oleh langkah menghadkan kerancakan dalam pinjaman pengguna sebelum ini. Ini diburukkan lagi oleh penurunan keyakinan pengguna terhadap prospek ekonomi tempatan akibat daripada ketidaktentuan yang berterusan ekoran ketegangan geopolitik di Semenanjung Korea.

Selain itu, pertumbuhan terjejas oleh beberapa masalah dalaman seperti skandal perakaunan korporat dan rusuhan golongan pekerja. Akibatnya, Korea merekodkan pertumbuhan negatif berturut-turut bagi dua suku pertama 2003, iaitu pertama kalinya sejak pemulihan daripada Krisis Kewangan Asia pada 1997/98. Bagi mengatasi kelembapan penggunaan persendirian tersebut dan menghalang penurunan ekonomi pada keseluruhannya, bajet tambahan bernilai USD3.5 bilion telah diluluskan bagi merencanakan perbelanjaan dalam projek infrastruktur sosial, kebajikan awam dan menyediakan pembiayaan kepada syarikat-syarikat kecil. Korea dijangka mencatat pertumbuhan sederhana pada 3.3% bagi tahun 2003.

Ekonomi **Taiwan**, dijangka meningkat sedikit pada separuh kedua 2003 dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 4.3% (separuh pertama 2003: 3.1%). Permintaan tempatan diramal kukuh sepanjang separuh kedua berikutan penurunan kadar faedah dan kekangan terhadap wabak SARS. Berikutan itu, pengeluaran industri pada separuh kedua dijangka tumbuh di antara 5%-7% (separuh pertama 2003: 3%), dikukuhkan lagi oleh permintaan luaran oleh rakan-rakan dagangan utamanya. Kadar inflasi yang agak rendah juga dijangka melonjakkan permintaan tempatan. Bagi menambahbaik ekonomi daripada kesan wabak SARS yang berterusan, kerajaan telah melancarkan pakej bantuan bernilai USD1.5 bilion serta dua pelan pewujudan peluang pekerjaan bernilai USD2.3 bilion selaras dengan negara-negara lain yang turut mengalami wabak SARS. Pertumbuhan eksport juga dijangka naik dengan dasar monetari dan fiskal yang akomodatif bagi menyokong pemulihan. Pertumbuhan keseluruhan bagi tahun 2003 dijangka mencatat 3.2% (2002: 3.5%).

Negara-negara Membangun

Pertumbuhan semakin kukuh meskipun menghadapi kesukaran...

Negara-negara membangun dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih baik pada kadar 5% (2001: 3.9% dan 2002: 4.6%), berbanding dengan negara-negara maju yang dijangka mencatat 1.9% (2002: 1.8%) dan negara-negara peralihan pada

4% (2002: 4.1%). Prestasi pertumbuhan negara-negara membangun mungkin lebih baik sekiranya tiada penularan wabak SARS, yang telah memperlambatkan pertumbuhan negara-negara Asia membangun kepada 6.3% (2002: 6.5%). Negara-negara membangun lain yang kurang terjejas dijangka mencatat prestasi pertumbuhan yang lebih baik berbanding dengan prestasi pada tahun lalu. Negara-negara tersebut ialah Afrika yang diramal mencatat pertumbuhan 3.9% (2002: 3.4%), Timur Tengah dan Turki pula 5.1% (2002: 4.5%), manakala Hemisfera Barat pula sebanyak 1.5% selepas mengalami penguncupan 0.1% dalam tahun 2002.

Pada ketika kebanyakan negara membangun mula merealisasikan potensi pertumbuhan masing-masing, beberapa negara lain terus diselubungi oleh kesukaran. Negara-negara Timur Tengah yang menikmati kesan kenaikan harga minyak mentah pada awal tahun berikutan ketidakstabilan bekalan minyak kesan pencerobohan Iraq terpaksa berdepan dengan keadaan keselamatan serantau yang genting. Pertumbuhan di Amerika Latin terus dibebankan oleh kelemahan ekonomi Argentina, Brazil dan Uruguay manakala krisis politik di Venezuela terus memberi impak kepada ekonominya. Jika dibandingkan dengan rantau-rantau lain, Afrika telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang boleh dibanggakan. Pencapaian ini didorong oleh disiplin di dalam melaksanakan dasar makroekonomi yang lebih baik dan penyelesaian konflik serantau sambil dibantu oleh kenaikan harga komoditi serta bantuan ke atas beban hutang di bawah inisiatif *Heavily Indebted Poor Countries* (HIPC). Namun demikian, benua tersebut terus dibelenggu dengan kejutan yang disebabkan oleh cuaca buruk, jangkitan HIV/AIDS dan ketidakstabilan politik di Zimbabwe dan Cote d'Ivoire, yang boleh memberi kesan kepada negara-negara jiran.

ASEAN

Ekonomi-ekonomi yang berdaya tahan didokong oleh penggunaan tempatan dan peningkatan dalam perdagangan serantau...

Ekonomi-ekonomi ASEAN dijangka menunjukkan pertumbuhan yang baik pada tahun

2003, meskipun terdapatnya persekitaran luaran yang tidak begitu menggalakkan pada separuh pertama, jangkitan wabak dan aktiviti militan yang berlaku sekali sekala di rantau ini. Harga pertanian yang tinggi telah menaikkan pendapatan di Asia Tenggara serta kesan kekayaan berikutan peningkatan prestasi pasaran saham, ekonomi serantau terus disokong oleh permintaan tempatan terutamanya penggunaan swasta dan pelaburan. Pemulihan ekonomi pada tahun 2002 berterusan sehingga ke suku pertama 2003 tetapi perlahan pada suku kedua berikutan wabak SARS. Walau bagaimanapun, ia dijangka meningkat semula pada separuh kedua.

Kebanyakan ekonomi ASEAN mula menyaksikan eksport masing-masing meningkat dengan ketara pada separuh kedua 2002. Peningkatan tersebut yang berterusan pada tahun 2003, disebabkan oleh pemulihan dalam perdagangan global dan harga komoditi utama serta kenaikan semula industri berteknologi tinggi dan pertambahan jumlah perdagangan dalam serantau dan antara rantau ASEAN dengan Asia Timur, terutamanya China. Perdagangan antara rantau ASEAN dengan China yang tinggi ditunjukkan dengan peningkatan 45.3% kepada USD34.24 bilion dalam jumlah perdagangan pada separuh pertama 2003. Corak perdagangan semasa turut memperkukuhkan kemunculan China sebagai pasaran utama bagi eksport ASEAN.

Momentum daripada dasar pengembangan fiskal dan monetari yang ditetapkan pada suku pertama 2003 bagi menghadapi pencerobohan Iraq dan wabak SARS telah diteruskan. Dasar yang longgar tersebut disokong oleh inflasi rantau ini yang rendah apabila harga minyak mula stabil di antara USD27.00 - USD29.00 setong berikutan tamatnya perang Iraq dalam tempoh yang singkat. Pada masa yang sama pasaran saham ekonomi-ekonomi ASEAN yang pada amnya turun naik pada tahun 2002 telah meningkat pada separuh pertama 2003. Berdasarkan perkembangan tersebut, proses penstrukturan kewangan dan korporat terus berjalan lancar.

Prestasi ekonomi bagi keseluruhan tahun 2003 dijangka lebih positif berikutan keadaan global dan rantau yang bertambah baik. Pada peringkat global, pencerobohan Iraq yang singkat, gambaran perkembangan positif ekonomi AS

semenjak bulan Mei 2003 dan perkembangan di luar jangkaan ekonomi Jepun, memberi harapan bagi prospek pertumbuhan yang kukuh di kalangan negara-negara ASEAN.

Di peringkat serantau, dasar yang sedia ada bagi mengukuhkan permintaan tempatan dan memberi kekuatan baru dalam perdagangan serantau terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Pakej-pakej ransangan ekonomi bagi meringankan kesan wabak SARS yang dilaksanakan di Malaysia, Singapura dan Hong Kong SAR beserta dasar yang sedia ada di ekonomi-ekonomi lain di rantau ini bertujuan meningkatkan pelaburan tempatan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang menggunakan sumber tempatan. Langkah-langkah ini juga bertujuan untuk meningkatkan kuasa beli pengguna dan pengusaha, meningkatkan kemampuan ekonomi luar bandar bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi serta memperkukuhkan kapasiti institusi. Pengekangan wabak SARS dalam tempoh yang singkat di rantau ini juga meningkatkan lagi sentimen pelabur dan pengguna yang seterusnya memperbaiki prospek bagi pertumbuhan yang lebih tinggi. Ekonomi ASEAN pada keseluruhannya dijangka berkembang dalam lingkungan 4.3% dan 4.9% pada tahun 2003 (2002: 4.4%).

Ekonomi **Indonesia** dijangka tumbuh pada kadar yang stabil dalam lingkungan 3.5%-4% pada tahun 2003 (2002: 3.7%) seperti di *Jadual 3.6* walaupun terdapat kesukaran akibat aktiviti militan di gugusan pulau dan kekacauan di Aceh. Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah bagi mengekalkan pertumbuhan, meningkatkan tahap keselamatan dan menarik pelaburan asing. Perbelanjaan kerajaan terus berkembang 10.7% berikutan peningkatan gaji kakitangan awam bagi mengimbangi kadar penggunaan persendirian yang semakin perlahan di samping perbelanjaan ke atas keselamatan dan pertahanan berikutan peristiwa pengeboman di Bali dan Jakarta. Kerajaan juga serius terhadap konsolidasi bajet, merangka dasar drastik ke arah mengurangkan subsidi minyak dan utiliti. Bagi menggalakkan lagi pelaburan dan perbelanjaan pengguna, Bank Pusat Indonesia telah menurunkan *overnight intervention rate* ke atas deposit rupiah sebanyak 75 mata kepada 9.00% pada awal Julai 2003, iaitu penurunan yang ke-lapan bagi tahun ini.

Nilai rupiah yang semakin stabil merupakan satu daripada faktor yang dijangka membantu menarik pelaburan asing, manakala kadar faedah yang semakin berkurangan dijangka merangsang aktiviti ekonomi. Eksport Indonesia, seperti juga ekonomi-ekonomi rantau lain, dijangka bertambah baik pada separuh kedua selaras dengan jangkaan pemulihan di AS. Tekanan inflasi juga akan berkurangan pada separuh kedua 2003 dengan kadarnya turun kepada 9% bagi tahun ini. Sambil mengumumkan keputusan tidak akan memperbaharui pinjaman berjumlah USD5 bilion dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang berakhir pada penghujung 2003, kerajaan juga mengulangi komitmen untuk meneruskan pembaharuan di sektor korporat dan kewangan.

Kadar pertumbuhan KDNK benar **Filipina** dijangka meningkat dengan perlahan kepada 4.2%-5% pada tahun 2003 (2002: 4.4%) disebabkan oleh kelembapan global yang bermula pada penghujung 2002. Walau bagaimanapun, ekonominya secara relatif terus kukuh dengan tekanan inflasi yang kekal rendah pada separuh kedua 2003, penggunaan domestik terus didokong oleh kiriman wang daripada 5 hingga 8 juta pekerja Filipina di seberang laut dan imbalan akaun semasanya yang agak seimbang. Di sektor luar pula, jangkaan pemulihan ekonomi serantau pada separuh kedua 2003 dijangka meningkatkan sektor eksportnya.

Perbelanjaan kerajaan berkurangan disebabkan oleh program konsolidasi fiskal serta usaha untuk memperbaiki urusan pentadbiran cukai. Sungguhpun begitu, prospek pertumbuhan ekonomi masih dipengaruhi oleh keselamatan dalaman dan kebimbangan politik yang telah menjejaskan kemasukan pelaburan asing.

Bagi merangsang aktiviti ekonomi, pihak bank pusat telah mengurangkan kadar faedah semalaman sebanyak 25 mata asas pada awal bulan Julai 2003. Dengan ini, kadar pinjaman semalaman telah diturunkan kepada 6.75% dan kadar meminjam semalaman diturunkan kepada 9.00% iaitu kadar terendah dalam tempoh 11 tahun.

Ekonomi **Singapura** sangat terjejas berikutan wabak SARS yang menyaksikan negara tersebut mencatat kes kelima tertinggi wabak SARS di dunia. Akibat wabak SARS, bilangan kedatangan

JADUAL 3.6

Negara-negara ASEAN Terpilih: Penunjuk-penunjuk Utama Ekonomi, 2002-2004

	2002	2003 ¹	2004
Keluaran Dalam Negara Kasar² (%)			
Brunei Darussalam	3.2	5.0-6.0	t.d
Filipina	4.4	4.2-5.2	4.0
Indonesia	3.7	3.5-4.0	4.0
Malaysia	4.1	4.5	5.5-6.0
Singapura	2.2	0.0-1.0	3.5
Thailand	5.3	4.2	4.3
Vietnam	5.8	6.2	7.0
Inflasi (%)			
Brunei Darussalam	-0.3	1.0	1.3
Filipina	2.6	4.0	4.0
Indonesia	10.0	9.0	8.4
Malaysia	1.8	1.2	-
Singapura	0.4	0.9	1.7
Thailand	1.6	1.0-2.0	0.9
Vietnam	4.0	3.8	3.3
Imbalan akaun semasa (% daripada KDNK)			
Brunei Darussalam	37.9	t.d	t.d
Filipina	5.4	0.3	0.5
Indonesia	4.2	2.2	2.2
Malaysia	7.6	9.5	9.8
Singapura	21.5	22.2	20.5
Thailand	6.0	2.8	2.6
Vietnam	-2.5	-2.1	-1.5

¹ Anggaran.

² KDNK benar.

t.d tiada data.

Sumber: IMF World Economic Outlook, April 2003 dan pelbagai sumber.

pelancong dan jualan runcit mengalami kejatuhan yang mendadak, seterusnya, menyebabkan ekonomi Singapura mengalami penguncupan tertinggi pada kadar 4.2% dalam suku kedua tahun 2003. Hampir keseluruhan sektor ekonomi Singapura terutamanya sektor pengangkutan dan telekomunikasi terjejas teruk dalam suku kedua tahun 2003 disebabkan oleh sikap pengguna yang berhati-hati dan pasaran buruh yang lemah. Sektor pengangkutan dan komunikasi mengalami

penguncupan sebanyak 10.5%, sektor pembinaan sebanyak 9% dan sektor pembuatan sebanyak 7.2%. Walaupun sektor pemborongan dan dagangan runcit mengembang sebanyak 0.5% berbanding pengembangan ini jauh lebih kecil jika dibandingkan dengan pertumbuhan sebanyak 5.6% yang direkodkan pada suku pertama tahun 2003.

Walau bagaimanapun, pada tempoh yang sama sektor perkhidmatan kewangan mencatat pertumbuhan 4.3% dalam suku kedua 2003, selepas mengalami penguncupan berterusan bagi lima suku berturut-turut. Aktiviti broker saham dan dagangan mata wang meningkat selaras dengan pemulihan pasaran saham berikutan tamatnya pencerobohan di Iraq dan wabak SARS. Namun, prestasi sektor perkhidmatan perniagaan yang menguncup sebanyak 3% tidak setara dengan prestasi sektor perkhidmatan kewangan, apabila permintaan perkhidmatan hartanah merosot.

Bagi merangsang pertumbuhan ekonomi, terutamanya industri-industri yang terjejas oleh wabak SARS, pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah fiskal mulai April 2003 yang mencakupi perbelanjaan terus sektor awam, pengurangan kadar cukai dan peningkatan perpindahan pendapatan. Selanjutnya pada penghujung Ogos 2003, Kerajaan telah melancarkan pakej bantuan kewangan bernilai USD570.7 juta bagi mengurangkan impak ke atas pekerja dan keluarga mereka berikutan rombakan terhadap sistem keselamatan sosial. Pakej yang meliputi langkah pemberian rebat langsung dan meningkatkan pendapatan adalah bertujuan untuk mengurangkan kos kendalian perniagaan dan meningkatkan daya saing negara.

Pakej-pakej rangsangan yang diperkenalkan serta perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang telah dimeterai baru-baru ini dengan beberapa buah negara serta jangkaan pemulihan ekonomi global dijangka membantu mengelak berulangnya kemelesetan ekonomi. Setelah mengambil kira wabak SARS yang terkawal dan permintaan bagi barangan keluaran elektronik yang diramal akan melonjak semula, prestasi

ekonomi Singapura dijangka lebih baik pada separuh kedua 2003. Sehubungan itu, keseluruhan ekonomi Singapura dijangka akan berkembang di antara 0% dan 1% (2002: 2.2%) pada tahun ini.

Ekonomi kedua terbesar di Asia Tenggara selepas Indonesia, **Thailand** diramal terus mencatat pertumbuhan di antara 4%-5% dalam separuh kedua 2003, selepas mencatat pertumbuhan 4.5%-5.5% dalam separuh pertama tahun ini. Pada keseluruhannya pertumbuhan ekonomi Thailand dijangka berkembang 4.2% (2002: 5.3%) dijana oleh ekonomi domestik dan penggunaan swasta yang disokong oleh dasar monetari dan fiskal yang akomodatif, imbangan luaran yang kukuh, kadar inflasi yang rendah serta kesan SARS yang minimum.

Kadar faedah yang rendah dijangka akan memperkukuh permintaan domestik dalam separuh kedua tahun 2003. Pengeluaran kenderaan juga diramal akan terus meningkat dalam separuh kedua tahun ini, memandangkan para pengguna akan mengambil kesempatan untuk membeli kenderaan baru dengan kadar faedah yang rendah. Walaupun permintaan domestik diramal semakin kukuh, inflasi dijangka kekal rendah iaitu di antara 1.5%-2.5% dalam separuh kedua 2003, berikutan kenaikan sebanyak 1.8% dalam separuh pertama 2003.

Bagi menyuntik keyakinan dalam ekonominya, Thailand telah membayar balik baki terakhir pinjaman IMF yang berjumlah USD1.6 bilion pada 31 Julai 2003, iaitu dua tahun lebih awal daripada yang dijadualkan. Dalam usaha meningkatkan lagi pertumbuhan, Thailand juga telah mempercepatkan pelaksanaan dasar dua hala yang bertujuan merangsang permintaan tempatan selaras dengan promosi eksport. Usaha bagi meningkatkan permintaan tempatan dilaksanakan terutamanya dengan memperkukuh serta memperkasakan mereka yang berada di peringkat akar umbi yang kurang berpeluang. Program-program yang terdapat di bawah dasar ini termasuklah sebuah dana untuk kampung-kampung di seluruh negara yang menyalurkan pinjaman kepada perusahaan kecil, pemberian kemudahan kredit mikro dan skim insentif untuk PKS, skim satu kampung-satu produk serta skim perumahan, kesihatan dan pelajaran bagi rakyat miskin.

Kerjasama Kewangan dan Perkembangan Perdagangan

Ke arah pengendalian kestabilan dan integrasi kewangan serantau...

Krisis Kewangan Asia 1997/98 telah menekankan kepentingan hubungan merentasi sempadan di rantau Asia serta memberi kesedaran betapa pentingnya kerjasama serantau bagi menjayakan usaha kerajaan negara-negara Asia dalam menghadapi krisis ekonomi dan kewangan. Di samping usaha-usaha pembaharuan di peringkat kebangsaan, beberapa inisiatif yang penting telah diambil bagi meningkatkan daya tahan serantau dalam menghadapi kemungkinan berlakunya krisis-krisis pada masa hadapan, seperti penularan wabak SARS dan perjuangan menentang keganasan. Inisiatif-inisiatif tersebut ditumpukan ke arah pengembangan perdagangan dan rangkaian pengeluaran serta pengurusan aliran kewangan dan rizab. Kesemua perkara ini menyentuh dimensi kebangsaan, serantau dan dunia. Isu-isu kewangan penting yang dibangkitkan di pelbagai peringkat dan fora termasuk kestabilan dan integrasi kewangan, pembinaan kapasiti dan latihan kemahiran serta liberalisasi perdagangan.

Kerjasama Kewangan Serantau

Kemajuan yang menggalakkan telah dicapai di dalam usaha untuk menguatkan lagi integrasi kewangan dan monetari antara ekonomi-ekonomi ASEAN. Kerjasama serantau dalam bidang kastam mencatat kejayaan dengan termeterainya *Protocol Governing the Implementation of the ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature* (AHTN), yang bertujuan memudahkan perdagangan dan pelaburan serantau dengan mempermudah serta menyelaraskan proses kastam. Protokol AHTN telah ditandatangani semasa **Mesyuarat Ketujuh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN** yang telah diadakan di Manila pada awal Ogos 2003. Kemajuan juga telah dicapai dalam bidang insurans, di mana pengawalselia insurans ASEAN telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) bagi menubuhkan Institut Penyelidikan dan Latihan Insurans ASEAN.

Di samping itu, **Roadmap bagi integrasi ASEAN dalam bidang kewangan** telah dimuktamadkan. *Roadmap* ini bertujuan mencapai aliran bebas produk, perkhidmatan dan pelaburan serta aliran modal yang lebih bebas menjelang 2020. *Roadmap* meliputi bidang-bidang seperti berikut:

- **Pembangunan Pasaran Modal** - pendekatan serampang dua mata telah diterimapakai, yang pertama meliputi pembinaan kapasiti institusi, manakala yang kedua pula adalah usaha-usaha untuk menjalin kerjasama merentasi sempadan di antara pasaran modal serantau di bidang-bidang seperti penubuhan rangkaian latihan, pembangunan produk dan hubungkait jaringan pasaran serta penyelarasan piawaian pasaran modal;
- **Liberalisasi Akaun Modal** - satu pendekatan yang lebih teratur diterimapakai yang merangkumi langkah-langkah keselamatan bagi menghadapi kemudahrupaan dan risiko sistemik;
- **Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan** - bagi mempermudah proses rundingan, modaliti Senarai Positif dengan penanda pencapaian tertentu telah diterima pakai; dan
- **Kerjasama Mata Wang** - adalah dipersetujui supaya bidang ini menjadi fokus bagi mempermudah serta mempromosi perdagangan serantau dan memperkukuhkan lagi integrasi ekonomi serantau.

Bagi meningkatkan lagi kerjasama monetari dan kewangan, **Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3** telah menubuhkan Tabung Kerjasama Kewangan ASEAN+3 untuk menampung kos mesyuarat-mesyuarat ASEAN+3 yang berkaitan. Dari segi inisiatif bantu diri dan sokongan serantau, beberapa perjanjian pengaturan dua hala (BSA) yang baru telah dimuktamadkan di bawah Inisiatif Chiang Mai (CMI). Bilangan BSA yang telah dimuktamadkan meningkat lebih daripada dua kali ganda iaitu daripada enam pada 2002 kepada 13 pada tahun ini, dengan nilai yang bertambah daripada USD17 bilion kepada USD32.5 bilion, manakala tiga lagi

INISIATIF PASARAN BON ASIA: TABUNGAN ASIA UNTUK PELABURAN ASIA

Latar belakang

Idea untuk memajukan pembangunan pasaran bon Asia telah diperbincangkan pada tahun 80-an dan mulai mendapat momentumnya selepas Krisis Asia 1997/98. Krisis tersebut mendedahkan ekonomi-ekonomi Asia yang rapuh terhadap aliran keluar modal jangka pendek yang besar, yang antara lainnya disebabkan oleh spekulasi mata wang dan diburukkan lagi oleh pasaran modalnya yang masih belum maju. Pergantungan berlebihan keperluan modal jangka panjang kepada pinjaman jangka pendek iaitu daripada pasaran tempatan dan asing telah mengakibatkan sesetengah ekonomi dibebani dengan sebahagian besar hutang awam dan korporat yang tempoh matangnya kurang daripada setahun. Sebagai tambahan kepada tempoh matang yang tidak sekata ini, terdapat juga nilai mata wang yang tidak setara akibat pinjaman asing yang dibuat tanpa pengaturan lindung nilai yang sepatutnya. Kedua-dua ketidak samaan ini menunjukkan perlunya dibangunkan dengan segera alat-alat baru untuk mobilisasi sumber bagi membantu membiayai pelaburan sektor awam dan persendirian dalam projek infrastruktur dan pembangunan yang lain.

Menyedari perlunya digubal strategi pembangunan jangka panjang sektor kewangan yang sesuai bagi memperdalam dan memodenkan pasaran modal, ekonomi Asia telah memfokuskan kepada pembangunan pasaran bon. Berdasarkan kadar tabungan rantau yang tinggi, potensi bagi membangunkan pasaran bon Asia adalah cerah.

Dalam hubungan ini, negara-negara anggota ASEAN dan ASEAN+3 telah bersetuju supaya tabungan dan rizab tempatan di Asia Timur yang bernilai melebihi USD1 trilion dapat digunakan secara lebih berkesan bagi faedah rantau ini dengan memajukan pembangunan pasaran bon tempatan dan serantau yang berdaya maju. Seterusnya menjadi penggerak utama kepada Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI).

ABMI: Apakah ia?

ABMI merupakan satu lagi usaha kerjasama negara-negara anggota Asia Timur untuk menubuhkan **mekanisme bantuan diri dan sokongan serantau bagi memajukan pembangunan ekonomi dan meningkatkan kestabilan kewangan di rantau ini**. Inisiatif ini menambahkan lagi nilai rangkaian kerjasama kewangan ASEAN+3 yang bermula dengan Pengaturan Swap ASEAN (ASA) kemudian berkembang kepada Pengaturan Swap Dua Hala (BSA) yang seterusnya bertambah maju menjadi Inisiatif Chiang Mai (CMI). CMI, iaitu satu jaringan pengaturan swap dua hala, membolehkan negara-negara anggota ASEAN dan ASEAN+3 yang telah menandatangani perjanjian swap dua hala untuk menggunakan 10% daripada jumlah swap, tanpa syarat-syarat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), sekiranya berlaku masalah kecairan jangka pendek dalam imbalan pembayaran. Perolehan dana yang lebih mudah memang akan memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing dan dengan demikian menyumbang kepada kestabilan kewangan serantau. Dalam hal ini, ABMI adalah lebih daripada itu.

Manakala BSA memfokuskan untuk memberi bantuan sementara sekiranya berlakunya masalah kecairan jangka pendek, ABMI pula bertujuan memperkukuhkan sistem kewangan negara-negara anggota dengan memperluas dan memperdalamkan lagi pasaran modal tempatan. Inisiatif ini yang menyediakan pelbagai pasaran dan alat kewangan adalah paling sesuai bagi memastikan ekonomi serantau lebih berdaya tahan dalam menangani risiko sistemik sekiranya berlaku kejutan di masa hadapan serta menyediakan asas yang kukuh bagi pembangunan yang lebih mapan.

Selain itu, ia juga menyediakan ruang untuk mempelbagaikan mata wang dengan terbitan bon-bon dalam mata wang tempatan oleh penerbit-penerbit Asia bagi langganannya pelabur di rantau ini. Ini membolehkan kerajaan, perbadanan dan institusi kewangan serantau memiliki akses kepada dana jangka panjang dalam bentuk mata wang tempatan, sekali gus mengelakkan masalah ketidakseimbangan pada tempoh matang dan mata wang bagi penerbit-penerbit bon Asia. Dengan

adanya pengaturan swap dua hala, sekarang adalah masa yang tepat bagi ASEAN+3 memfokuskan usaha kerjasama ke arah **objektif jangka panjang ABMI**:

- a. memajukan pembangunan pasaran bon yang lebih cekap dan cair di Asia;
- b. membolehkan kerajaan dan syarikat-syarikat sektor swasta untuk menggunakan tabungan di rantau ini;
- c. melaburkan modal jangka panjang dengan risiko mata wang dan tempoh kematangan yang kurang; dan
- d. membangunkan pasaran untuk menyalurkan tabungan rantau bagi keperluan pelaburan serantau.

ABMI: Cabaran-cabaran

Walaupun rantau ini dilimpahi dengan dana-dana yang besar, tetapi kebanyakannya dilaburkan di pasaran AS dan Eropah yang mengakibatkan pasaran bon serantau kurang digunakan. Oleh yang demikian, sistem perbankan terus menjadi sumber utama bagi pembiayaan. Bagi memastikan pembangunan pasaran bon Asia berterusan, perlu diwujudkan persekitaran sistem kewangan yang sofistikated yang disokong oleh rangka kawal selia yang sesuai serta institusi dan alat kewangan tempatan yang relevan.

Dalam usaha **mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi memajukan pasaran bon Asia**, ABMI memfokuskan kepada:

- a. memperuntukkan jaminan kredit melalui penggunaan yang aktif penjamin sedia ada dan kemungkinan penubuhan Kemudahan Jaminan Rantau Asia;
- b. memperkukuhkan sistem penarafan dengan meningkatkan peranan agensi penarafan tempatan serta kemungkinan penubuhan Lembaga Penarafan Kredit Asia;
- c. menubuhkan mekanisma untuk penyebaran maklumat mengenai penerbit bon dan agensi-agensi penarafan;
- d. mempermudah urusan niaga tukaran asing dan menangani isu penyelesaian pembayaran urusan niaga yang merentasi sempadan;
- e. meneliti infrastruktur institusi perundangan; dan
- f. meningkatkan pembangunan kapasiti melalui penyelidikan pasaran dan program bantuan teknikal bagi memajukan dialog dasar dan pembangunan sumber manusia di kalangan negara-negara anggota.

ABMI: Kemajuan

Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 yang telah diadakan di Manila pada 7 Ogos 2003 telah meluluskan ABMI. Setelah mengambil kira kesulitan inisiatif ini dan kepelbagaian tahap pembangunan pasaran modal negara anggota, turut dipersetujui supaya ABMI disokong oleh **enam kumpulan kerja dengan penyertaan secara sukarela yang dipengerusikan oleh negara-negara anggota ASEAN+3** untuk menyelesaikan perkara-perkara seperti berikut:

- a. urusan niaga tukaran asing dan isu-isu penyelesaian pembayaran - dipengerusikan oleh Malaysia;

- b. koordinasi bantuan teknikal - dipengerusikan oleh Indonesia dengan Filipina dan Malaysia selaku pengerusi bersama;
- c. alat-alat hutang sekuriti yang baru - dipengerusikan oleh Thailand;
- d. mekanisma jaminan kredit - dipengerusikan oleh Korea;
- e. terbitan bon-bon dalam mata wang tempatan oleh bank-bank pembangunan multilateral (MDB), agensi-agensi kerajaan dan perbadanan-perbadanan multinasional Asia - dipengerusikan oleh China; dan
- f. agensi penarafan tempatan dan serantau - dipengerusikan oleh Singapura dan Jepun.

Kesungguhan Malaysia dalam memastikan kejayaan inisiatif ini digambarkan dengan kesediaannya mempengerusikan kumpulan kerja mengenai urus niaga tukaran asing dan penyelesaian pembayaran serta pengerusi bersama dalam kumpulan koordinasi bagi bantuan teknikal. Dalam hubungan ini, Malaysia memiliki pengalaman yang boleh dikongsi bersama bagi memajukan pembangunan ABMI ini kerana ia memiliki segala kemudahan asas bagi membangunkan pasaran bon tempatan yang dinamik termasuklah persekitaraan kawal selia yang kukuh, sistem kewangan yang boleh dipercayai dan mantap, sektor korporat yang bertambah pulih dan yang distruktur semula serta infrastruktur yang mencukupi untuk sistem penjagaan dan penyelesaian pembayaran.

Ke arah memajukan pembangunan pasaran bon Asia

Adalah jelas bahawa langkah untuk memajukan ekonomi-ekonomi Asia Timur termasuklah mempelbagaikan kaedah kewangan bagi membiayai projek pembangunan serta mempercepatkan pembangunan sektor kewangan. ABMI mencerminkan usaha-usaha ini dengan mengambil kira bahawa pembangunan bon yang berdaya maju serta kukuh dan berkembang memerlukan kepada dasar yang konsisten dan berterusan ekonomi Asia dalam rundingan dengan sektor swasta bagi menyediakan persekitaran yang menyokong termasuklah, institusi dan struktur rangka kawal selia sektor kewangan.

Dalam proses kemajuan ABMI, enam kumpulan kerja yang berkaitan akhirnya perlu bergabung menjadi **satu roadmap bagi pembangunan pasaran bon Asia**. Ini akan mempermudah lagi perancangan yang lebih berkesan dan membantu dalam usaha-usaha untuk menghapuskan jurang atau pertindihan. Di peringkat kebangsaan pula, pembangunan perlulah selari dengan pembangunan di peringkat serantau ke arah membangunkan pasaran bon serantau yang akan memobilisasi dan menyalurkan tabungan Asia bagi membiayai pelaburan jangka panjang di Asia.

perjanjian pengaturan dua hala dijangka akan dimeterai menjelang akhir tahun ini. Di samping itu, Pengaturan Swap ASEAN (ASA) yang bernilai USD1 bilion telah diperbaharui pada bulan November 2002 untuk tempoh dua tahun lagi.

Dalam usaha mempelbagaikan sumber dana bagi menjadikan ekonomi-ekonomi Asia lebih berdaya tahan sekiranya berulang krisis kewangan, negara-negara ASEAN+3 bersetuju untuk

bekerjasama ke arah memajukan pembangunan pasaran bon serantau. Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI) yang menggunakan jumlah tabungan dan rizab yang besar di kebanyakan negara Asia, adalah berpandukan prinsip penggunaan tabungan Asia untuk pelaburan Asia. Bagi menjayakan usaha ini, beberapa kumpulan kerja yang penyertaannya secara sukarela telah ditubuhkan untuk membincangkan isu-isu utama seperti pensekuritan, jaminan kredit, urus niaga

mata wang asing dan isu berkaitan dengan penyelesaian pembayaran. Penubuhan Tabung Bon Asia (ABF) pada bulan Mei, di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) merupakan satu langkah penting dalam menjalin kerjasama serantau di Asia, sambil mempermudah pelaburan semula sebahagian kecil rizab Asia ke rantau Asia. Pada waktu yang sama, ABF juga membantu membangunkan pasaran modal serantau di Asia. Negara-negara ASEAN iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand adalah di antara sebelas buah negara yang menyumbang kepada dana ini yang berjumlah USD1 bilion.

Mesyuarat Kesepuluh Menteri-Menteri Kewangan APEC, yang telah di adakan di Phuket, Thailand pada awal bulan September 2003, telah memberi tumpuan kepada perlunya untuk mencapai pertumbuhan yang mapan, seimbang, adil, dan lebih luas melalui pengukuhan jalinan kewangan serta memupuk hubungan ekonomi yang lebih erat di antara ekonomi-ekonomi APEC. Berpanduan kepada tema *Local/Regional Link, Global Reach: A New APEC Financial Cooperation*, usaha ditumpukan kepada kerjasama kewangan melalui pengukuhan kewangan alternatif dan mempertingkatkan pengurusan kewangan di peringkat akar umbi dan pembangunan PKS, pembangunan pasaran bon serantau serta aspek fiskal dan kewangan peraturan perdagangan serantau (RTAs).

Sebagai mengiktiraf peranan kritikal yang dimainkan oleh PKS dalam pembangunan ekonomi yang mapan serta untuk melengkapi usaha-usaha Menteri-Menteri PKS APEC, pertukaran maklumat dan kepakaran yang lebih kerap serta usaha-usaha bagi meningkatkan kemudahan perdagangan dan pensekuritian hutang-hutang PKS akan dipergiatkan untuk mempercepat pembangunan PKS dan seterusnya menggalakkan lagi sumbangan PKS kepada pembangunan ekonomi. Bagi mencapai tujuan ini, rangkaian perhubungan di antara institusi kewangan PKS APEC bagi mempromosi kerjasama teknikal dan kewangan serantau akan diwujudkan. Di samping itu, usaha-usaha untuk membangunkan pasaran bon serantau dalam rantau APEC bagi melengkapi ABMI juga sedang dipertimbangkan.

Kemajuan yang pesat juga telah dicapai dalam pembinaan kapasiti serta pengukuhan kemahiran

di bawah inisiatif dan rangka kerja yang telah dilaksanakan dalam bidang seperti penambah-baikkan pemantauan, ketelusan kewangan dan urus tadbir korporat serta kajian semula rangka pengawalseliaan dan undang-undang dengan tujuan menambah-baik sistem kewangan formal. Semenjak pengenalan *Financial Regulators Training Initiative* pada tahun 1998, sejumlah 1,131 peserta yang terdiri daripada penyelia dan pengawalselia di peringkat bawahan dan pertengahan telah mendapat manfaat daripada kursus berkaitan dengan pengawasan perbankan, manakala 443 peserta telah dilatih di bidang peraturan sekuriti. Di samping itu, 180 pengawalselia telah menerima latihan pengawalseliaan berhemah dalam industri insurans hayat dan pencen di bawah inisiatif tiga tahun yang berakhir pada September 2003. Di peringkat antara rantau, **Menteri-Menteri Kewangan Asia-Eropah (ASEM)** bermesyuarat buat kali kelima di Bali, Indonesia pada awal Julai. Menyedari betapa pentingnya pembangunan kapasiti dan latihan kemahiran sebagai asas kepada sistem kewangan yang kukuh, Inisiatif Bali telah dipersetujui. Inisiatif ini bertujuan menambahbaik pembangunan sumber manusia melalui kerjasama di antara pihak berkuasa fiskal dan kewangan di kedua-dua rantau. Kerjasama ini akan merangkumi bentuk penempatan, pertukaran kakitangan, pemberian biasiswa dan latihan. *Task Force On Closer Economic Partnership* yang ditubuhkan hasil Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara di Copenhagen pada September 2002, telah mengemukakan laporan interim yang mengenalpasti bidang-bidang kerjasama yang boleh dilaksanakan. Dalam usaha memperkukuhkan kerjasama kewangan ASEM, di antara kajian yang akan dijalankan termasuk mengenalpasti penggunaan tabungan Asia secara berkesan, penggunaan mata wang euro sebagai mata wang rizab dan urus niaga di sektor kewangan serta komersial Asia.

Dalam usaha **memerangi pembiayaan keganasan dan pengubahan wang haram** di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA), kemajuan berterusan dicapai oleh institusi-institusi pelapor. Berkuatkuasa pertengahan April 2003, tanggungjawab untuk melapor telah dikenakan ke atas semua institusi kewangan di Malaysia di bawah AMLA termasuk bank-bank, syarikat-

syarikat insurans, entiti-entiti luar pesisir, pengurup mata wang serta institusi bukan kewangan yang terdedah kepada pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan seperti kasino berlesen dan perkhidmatan penghantaran wang ke luar negara. AMLA mengandungi peruntukan yang meliputi 150 kesalahan pengubahan wang haram, termasuk kesalahan-kesalahan berkaitan dengan keganasan. Untuk mempergiatkan lagi kerjasama dalam perkongsian maklumat, termasuk risikan kewangan bertujuan mengesan dan mencegah aktiviti-aktiviti jenayah, Malaysia telah menandatangani MOU dengan Australia pada penghujung Januari 2003 dan dalam proses mengadakan perbincangan untuk memeterai MOU yang serupa dengan Republik Korea, Indonesia, UK dan AS. Dalam hubungan ini, pada Julai 2003, Malaysia telah diterima masuk sebagai ahli *Egmont Group of Financial Intelligence Units*. Selanjutnya, penubuhan *South-East Asia Regional Centre for Counter-Terrorism* baru-baru ini di Kuala Lumpur yang bertujuan meningkatkan kapasiti dan kemampuan negara-negara di rantau ini dalam memerangi keganasan merupakan kesungguhan dan komitmen berterusan Malaysia dalam bidang ini.

Untuk mengkaji kebolehlaksanaan usaha-usaha bersepadu di kalangan ahli-ahli ASEM dalam memastikan transaksi pembayaran yang telus dan pendakwaan tegas ke atas transaksi kewangan haram diluar kawalan sektor kewangan, satu bengkel bertajuk "*Transparency of International Payment Flows, Alternative Remittance Services and Underground Banking*", akan diadakan pada penghujung Oktober 2003, di Berlin. Bengkel ini akan dianjurkan bersama oleh Malaysia dan Jerman, bertujuan membangunkan langkah pencegahan yang berkesan dalam bidang pengawasan pasaran kewangan dan pendakwaan terhadap pembekal perkhidmatan kewangan yang tidak sah.

Kemajuan dalam rundingan **Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)** adalah kurang memuaskan. Ini memandangkan beberapa isu utama yang tidak dapat dimuktamadkan mengikut tarikh yang ditetapkan. Kebimbangan utama negara-negara membangun ialah mengenai kebuntuan beberapa isu seperti pertanian, layanan istimewa dan berbeza, langkah-langkah perlindungan serta beberapa isu pelaksanaan yang dapat membantu ke arah mencapai agenda pembangunan kebangsaan. Persidangan Kelima WTO yang dijadualkan di Cancun, Mexico dari 10 hingga 14 September 2003, yang mana

tanggungjawab utama ialah untuk mengambilkira kemajuan rundingan dan usaha-usaha lain di bawah Agenda Pembangunan Doha yang dilancarkan semasa Persidangan Peringkat Menteri WTO Keempat pada tahun 2001.

Di dalam rundingan dagangan dan perkhidmatan termasuk perkhidmatan kewangan, 30 negara ahli dari negara maju dan membangun telah mengemukakan tawaran awal mereka. Bagaimanapun, tawaran dari beberapa negara ahli tersebut mengandungi syarat-syarat supaya negara-negara penerima membuat komitmen timbal balik atau komitmen-komitmen yang dianggap mencukupi. Ini bercanggah dengan Artikel XIX dalam *General Agreement on Trade in Services (GATS)* yang memberi kelonggaran kepada negara membangun untuk meluaskan *market access* secara lebih progresif sejajar dengan kadar pembangunan negara-negara tersebut. Penilaian awal terhadap tawaran oleh sesetengah negara maju tidak menunjukkan semangat Artikel IV, GATS yang menetapkan supaya negara-negara maju memberi *market access* dalam sektor-sektor tertentu dan *mode of supply* bagi tujuan kepentingan eksport negara-negara yang sedang membangun. Secara perbandingan kepada kehendak yang begitu meluas oleh negara maju ke atas negara membangun, tawaran mereka lebih tertumpu kepada **Mode 4 (movement of natural persons)** adalah terlalu sedikit.

Oleh kerana kemajuan dalam sistem dagangan pelbagai hala yang perlahan, berikutan daripada ketidaksepakatan dalam **General Agreement on Tariffs and Trade (GATT)** pada tahun 1982, banyak negara telah melaksanakan Peraturan Perdagangan Serantau (RTA) untuk memperluaskan lagi perdagangan. Sehingga kini, sebanyak 259 RTA telah diselesaikan dan dimaklumkan kepada GATT/WTO manakala banyak lagi yang masih dalam proses rundingan. Tambahan pula, terdapat juga peningkatan dalam perjanjian perdagangan dua hala, yang bertindan dengan banyak negara-negara ahli yang lain. Sebahagian besar negara-negara ahli sekarang terdiri daripada anggota kepada dua atau lebih RTA, yang bentuknya berlainan dan di mana sesetengahnya adalah lebih daripada hanya menarik balik sekatan tarif dan kuota. Ini termasuklah penarikan balik atau pengurangan sekatan bukan cukai melalui keseragaman atau pengiktirafan bersama bagi piawai produk dan prosedur penilaian termasuk perdagangan dalam perkhidmatan, pergerakan modal, piawaian alam sekitar, pelaburan dan piawai pekerja.

LIBERALISASI PERKHIDMATAN KEWANGAN MALAYSIA

Latar belakang

Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) ditubuhkan pada tahun 1995 sebagai pengganti kepada *General Agreement on Tariffs and Trade* (GATT), yang mengurus peraturan perdagangan global. Fungsi utama WTO adalah untuk memastikan aliran perdagangan berjalan dengan lancar, bebas dan seperti mana yang telah ditentukan. Perkara tersebut dicapai dengan melaksanakan perjanjian-perjanjian perdagangan, menjadi forum untuk rundingan-rundingan perdagangan, menyelesaikan pertikaian perdagangan, mengkaji semula dasar perdagangan nasional dan membantu negara-negara membangun dalam isu-isu dasar perdagangan. Di bawah WTO, ahli-ahli melaksanakan sistem perdagangan tanpa diskriminasi di mana hak dan tanggungjawab masing-masing diuraikan dengan jelas. Setiap negara diberi jaminan bahawa eksportnya diberi layanan secara adil dan konsisten dalam pasaran di negara-negara lain. Setiap negara juga perlu berbuat demikian untuk import yang memasuki pasaran mereka. Sistem WTO juga memberi negara membangun sedikit fleksibiliti dalam melaksanakan komitmen masing-masing. Keputusan yang dibuat dalam WTO adalah dengan persetujuan sebulat suara oleh semua ahli, yang setakat April 2003 adalah sebanyak 146 buah negara. Peringkat tertinggi sekali yang membuat keputusan WTO adalah Persidangan Menteri-menteri WTO yang bersidang dua tahun sekali.

Persetujuan mengenai Agenda Pembangunan Doha (DDA) yang membentangkan secara komprehensif agenda yang memberi tumpuan terhadap isu-isu pembangunan pada masa hadapan telah dicapai dalam Persidangan Menteri-Menteri WTO di Doha, Qatar pada November 2001. Ahli-ahli juga telah bersetuju supaya rundingan-rundingan diselesaikan mengikut jadual tiga tahun dengan segala permintaan dan tawaran masing-masing dikemukakan pada 30 Jun 2002 dan 31 Mac 2003.

Rundingan-rundingan di bawah Sektor Perkhidmatan

Sehingga kini, sebanyak 30 ahli, terutamanya daripada negara maju dan beberapa negara membangun telah mengemukakan tawaran awal. Namun, tawaran awal sesetengah negara maju meliputi skop yang kecil serta tidak seimbang dengan permintaan yang luas lingkungannya yang dibuat ke atas negara membangun. Tambahan pula, tawaran untuk pembukaan pasaran di bawah Mode 4 (*Movement of Natural Persons*) gagal menepati permintaan kebanyakan negara membangun terutamanya dalam mode ini. Pada waktu yang sama, kurangnya permintaan daripada negara membangun mencerminkan kedudukan yang tidak seimbang di antara negara membangun dan negara maju dalam bidang perkhidmatan, memandangkan negara membangun mempunyai keupayaan eksport yang terhad.

Setakat ini, Malaysia telah menerima permintaan daripada 21 buah negara bagi pembukaan pasaran sektor perkhidmatan negara. Daripada jumlah tersebut, 15 buah negara telah membuat permintaan khusus terhadap sektor perkhidmatan kewangan. Sebaliknya, Malaysia pula telah membuat permintaan kepada 45 buah negara, termasuk permintaan untuk memasuki pasaran sektor perkhidmatan kewangan di empat buah negara. Malaysia tidak mengemukakan sebarang tawaran awal setakat tarikh tamat 31 Mac 2003, kerana masih membuat penilaian ke atas permintaan yang meliputi pelbagai bidang yang telah diterima sambil meneruskan rundingcara dalaman. Sungguhpun demikian, Malaysia tetap komited untuk meningkatkan kapasiti sektor perkhidmatan kewangannya dengan tujuan mengurangkan pengawalseliaan serta meliberalisasikan secara progresif lagi ini bagi memastikan daya saing jangka panjang negara dalam persekitaran globalisasi yang semakin meningkat.

Meliberalisasikan Perkhidmatan Kewangan Malaysia

Kajian teliti terhadap komitmen Malaysia selepas rundingan perkhidmatan kewangan pada 1997 akan menunjukkan kesungguhan Kerajaan untuk mengikat dasar liberal sedia ada terhadap pemilihan asing. Dalam sektor perbankan, Kerajaan telah membenarkan 13 buah bank asing untuk mengekalkan 100% pemilihan ekuiti, dengan syarat mereka diperbadankan di Malaysia. Kerajaan juga telah menghadkan jumlah ekuiti asing institusi perbankan tempatan kepada 30%. Dalam sektor insurans,

pemegang-pemegang saham asing yang sedia ada dibenar meningkatkan pemilikan mereka sehingga 51% jumlah ekuiti. Di samping itu, syarikat-syarikat insurans asing yang baru memasuki pasaran dibenarkan memiliki sehingga 30% daripada jumlah ekuiti syarikat insurans yang diperbadankan di Malaysia.

Pasaran modal Malaysia telah dibuka secara progresif, dengan peningkatan secara beperingkat-peringkat dalam penyertaan ekuiti asing di bidang broker saham, pengurusan dana dan kemasukan pengurus, pakar-pakar dan kumpulan profesional. Malaysia juga telah memberi komitmen untuk membenarkan pemilikan ekuiti oleh orang asing sebanyak 49% dalam syarikat-syarikat broker saham. Dalam keadaan tertentu Malaysia membenarkan pemilikan penuh asing dalam bidang seperti pengurusan dana dan nasihat pelaburan.

Hasil daripada dasar Malaysia yang liberal di sektor perkhidmatan kewangan, jumlah pembekal perkhidmatan asing dalam negara telah meningkat dengan ketara. Pada akhir 2002, selain daripada 13 buah bank milikan penuh asing, secara purata 23% daripada jumlah ekuiti dalam empat buah bank tempatan juga merupakan milikan asing. Secara agregat, 33% daripada jumlah aset bank komersial adalah milik asing. Di sektor insurans, daripada 54 buah syarikat insurans, 23 adalah milik asing secara majoriti. Manakala, bahagian yang dimiliki oleh orang asing dalam industri insurans kekal pada tahap yang tinggi, iaitu pada kadar 77% daripada premium insurans hayat dan 40% insurans am. Dalam pasaran modal, lima daripada 79 pengurus dana berlesen, adalah milik majoriti asing atau milik penuh asing. Sementara itu, di sektor khidmat nasihat pelaburan, hampir separuh daripada penasihat-penasihat berlesen adalah milik majoriti asing atau milik penuh asing.

Di samping pemilikan ekuiti, penyertaan asing juga terdapat dalam bentuk lain seperti pakatan strategik dengan syarikat-syarikat tempatan. Dalam sektor insurans, terdapat 10 pengaturan *bankassurance* yang membabitkan bank-bank milik asing yang diperbadankan di Malaysia. Daripada jumlah ini, sebanyak sembilan pengaturan *bankassurance* ditubuhkan dengan syarikat-syarikat insurans tempatan.

Cabaran-cabaran

Dalam menyediakan institusi domestik untuk proses liberalisasi, tempoh selama 10 tahun telah ditetapkan untuk membina sekumpulan peserta yang gigih dan berwawasan dalam sektor kewangan. Tempoh ini terkandung dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (FSMP) dan Pelan Induk Pasaran Modal (CMP). Kedua-dua pelan induk tersebut yang dilancarkan pada 2002 memberi garis panduan pendekatan Malaysia dalam menghadapi liberalisasi kewangan dan strategi-strategi yang perlu dilaksanakan.

Pada penghujung Disember 2002, sebanyak 54 institusi perbankan domestik telah digabungkan menjadi 10 kumpulan bank teras, berbanding 13 bank komersial milik asing di negara ini. Di sektor broker saham, terdapat 40 syarikat berbanding 66 buah sebelum bermulanya program penggabungan pada tahun 2000.

Dari segi skala serta kerumitan, penggabungan yang melibatkan lebih daripada 50 institusi perbankan dan 66 syarikat broker saham ini adalah yang pertama kalinya di Malaysia. Sehubungan itu, adalah tidak menghairankan sekiranya proses penstrukturan semula dan penggabungan masih berterusan, khususnya dalam industri broker saham yang masih belum mengenalpasti rakan gabungan masing-masing.

Bagi institusi-institusi yang telah bergabung, masih banyak yang perlu dilakukan bagi membuat penyesuaian budaya korporat dalam institusi tersebut. Kesukaran juga dihadapi dalam menggabungkan pangkalan data serta sistem IT tanpa menjejaskan kecekapan operasi. Masalah-masalah lain termasuk pengurusan dan penempatan sumber manusia, masih diberi tumpuan bagi memastikan gangguan sosial yang minimum. Adalah penting untuk memantau dan mengurus perkembangan ini bagi memastikan kestabilan sistem kewangan dalam persekitaran geopolitik yang tidak menentu serta pemulihan ekonomi yang baru bermula.

Sebagai ahli WTO, Malaysia memang komited untuk meliberalisasi sektor kewangannya secara progresif dan beransur-ansur dalam jangka panjang. Pada waktu yang sama, Malaysia perlu memastikan bahawa proses liberalisasi dilakukan mengikut keperluan negara. Sektor kewangan juga perlu menyokong agenda pembangunan ekonomi negara.

Malaysia berpendirian bahawa bagi memperolehi manfaat yang sepenuhnya daripada proses liberalisasi, kadar kemajuan liberalisasi perlu selari dengan kapasiti serta kebolehan sistem untuk menerima sebarang perubahan tanpa menjejaskan kestabilan kewangan. Liberalisasi yang hendak dilaksanakan perlu bersesuaian dengan keadaan semasa serta infrastruktur dan rangkakerja pengawalseliaan yang sedia ada bagi memenuhi keperluan ekonomi negara. Adalah penting juga proses liberalisasi tidak akan mengeneipkan institusi-institusi kewangan domestik. Krisis kewangan yang lepas memberi pengajaran penting bahawa strategi-strategi liberalisasi perlu bergerak seiring dengan pengawasan yang berkesan dan meningkatkan tahap keupayaan.

Kerajaan bertanggungjawab memastikan kekayaan negara diagihkan secara adil dan saksama. Oleh yang demikian adalah penting supaya institusi tempatan diberi peluang yang munasabah untuk membangunkan diri mereka dalam menghadapi persaingan global. Ini adalah asas pendekatan Malaysia terhadap liberalisasi secara progresif dan mapan.

Tinjauan 2004

Tanda-tanda pemulihan yang semakin kukuh...

Pertumbuhan ekonomi global bagi pertengahan tahun 2003 dijangka sederhana tetapi kukuh. Ini disokong dengan lebih banyak data ekonomi positif berkaitan dengan Jepun, kawasan euro dan terutamanya AS. Di AS kadar faedah yang rendah serta kedudukan kewangan pengguna yang kukuh berikutan pengurangan cukai telah menyumbang ke arah ekonomi yang lebih mantap dalam sektor pembinaan dan pertumbuhan yang kukuh dalam dagangan runcit. Manakala pengeluaran industri meningkat disebabkan oleh kebangkitan semula dalam sektor teknologi tinggi dan pengeluaran kenderaan. Di Jepun, pencapaian positif dalam penstrukturan syarikat dicerminkan dalam peningkatan keuntungan korporat dan peningkatan perlahan dalam pelaburan tetap perniagaan. Di kawasan euro pula, peningkatan dalam penggantian komputer peribadi telah menjurus kepada pelaburan yang lebih tinggi dan memperkuatkan lagi penggunaan. Pertumbuhan dalam ekonomi-ekonomi utama juga didorong oleh prestasi yang lebih baik di Asia

dengan kesan wabak SARS yang semakin pudar. Pertumbuhan eksport yang kukuh hasil daripada kenaikan permintaan, meningkatkan penggunaan dan kesan positif pakej rangsangan yang diperkenalkan oleh kebanyakan negara dalam rantau tersebut akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Momentum dari pertumbuhan dalam separuh kedua tahun ini dijangka akan berkekalan sehingga tahun 2004, di mana pertumbuhan ekonomi dunia dijangka mencapai 4.1% (2003: 3.2%).

Namun begitu, risiko kebawah kekal bagi tinjauan 2004 memandangkan ketegangan geopolitik dan tindakan militan yang sesekali berlaku akan terus menjadi risiko keselamatan yang berterusan dan memberi kesan kepada industri kembara dan pelancongan sedunia. Walaupun AS telah mengisytiharkan konflik di Iraq tamat pada awal Mei 2003, terdapat kebimbangan bahawa pembangunan semula Iraq akan mengambil masa yang lebih lama berikutan tentangan yang masih dihadapi di sesetengah kawasan. Kelewatan atau pemulihan ekonomi AS yang tidak mapan juga boleh menggugat tinjauan positif semasa dan mengancam prospek pemulihan ekonomi dunia secara keseluruhan.